

ETIKA PAKAIAN MAJLIS GRADUASI

Graduan WAJIB memakai jubah yang disediakan oleh pihak pusat dengan mengikut tertib seperti berikut:

- a) Selempang hendaklah terletak di atas paras kedua-dua bahu
- b) Rumbai (tassel) pada topi dibiarkan menghurai sebelah tepi kiri topi.

GRADUAN LELAKI	GRADUAN PEREMPUAN
<p>1. Baju i. Kemeja lengan panjang berkolar dan berwarna cerah (tanpa corak atau berjalur); dan ii. Kot/blazer berwarna gelap.</p> <p>2. Tali Leher Tali leher yang bersesuaian dengan kemeja.</p> <p>3. Seluar Seluar slack berwarna gelap (seluar jeans tidak dibenarkan).</p> <p>4. Sarung Kaki/Stoking Sarung kaki/Stoking berwarna gelap</p> <p>5. Kasut Kasut kulit berwarna gelap (selipar/ kasut sukan/sandal tidak dibenarkan).</p> <p>6. Rambut Rambut mestilah pendek dan kemas serta tidak melepasi paras kolar baju.</p>	<p>1. Baju i. Baju kurung berwarna cerah; atau ii. Baju kebaya; atau iii. Baju kebangsaan; atau iv. Kemeja lengan panjang; atau v. Blaus lengan panjang; dan vi. Baju hendaklah bertutup hingga ke pangkal leher di bahagian depan dan belakang.</p> <p>2. Kain i. Kain mestilah labuh sehingga ke paras buku lali (ankle) dan tidak berbelah sama ada di kiri, kanan, depan atau belakang; atau ii. Skirt yang melepasi paras lutut dan bersopan. * Blaus tanpa lengan/kemeja-T dan seluar yang tidak melepasi paras buku lali tidak dibenarkan. * Seluar jeans tidak dibenarkan.</p> <p>3. Kasut Kasut bertutup berwarna gelap yang menutupi bahagian depan dan belakang kaki; ketinggian tumit tidak melebihi 1.5 inci (selipar dan sandal tidak dibenarkan).</p> <p>4. Rambut/Tudung i. Rambut mesti kelihatan kemas; ii. Bagi yang berambut panjang, rambut perlu diikat dengan kemas; manakala iii. Bagi yang bertudung, mestilah menggunakan tudung yang berwarna cerah supaya mudah disesuaikan dengan Jubah akademik.</p>

PANDUAN PEMAKAIAN IBU BAPA/TETAMU MASUK KE DEWAN

LELAKI	PEREMPUAN
<p>1. Baju i. Kemeja lengan panjang /pendek berkolar (kemeja T tidak dibenarkan); atau ii. Baju batik; atau iii. Baju Kebangsaan; atau iv. Lounge suit (lengkap berkemeja lengan panjang dan memakai kot yang sama warna dengan seluar)/kot.</p> <p>2. Seluar Seluar panjang/slack (seluar jeans/ seluar pendek tidak dibenarkan).</p> <p>3. Kasut Kasut yang bertutup (selipar dan sandal tidak dibenarkan).</p>	<p>1. Baju i. Baju kurung; atau ii. Baju kebaya; atau iii. Baju kebangsaan; atau iv. Kemeja lengan panjang; atau v. Blaus lengan panjang; dan vi. Baju hendaklah bertutup hingga ke pangkal leher di bahagian depan dan belakang.</p> <p>2. Kain i. Kain mestilah labuh sehingga ke paras buku lali (ankle); atau ii. Skirt yang melepasi paras lutut dan bersopan. * Blaus tanpa lengan/kemeja-T dan seluar yang tidak melepasi paras buku lali tidak dibenarkan. * Seluar jeans tidak dibenarkan.</p>